

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**ANALISIS PENERIMAAN DAN NIAT
MENERUSKAN PENGGUNAAN
APLIKASI ZAKAT DIGITAL DI
MALAYSIA**

NORAINI SARO

Tesis dikemukakan bagi memenuhi
keperluan untuk ijazah

**Doktor Falsafah
(Pengajian Islam Kontemporari)**

Mac 2023

ABSTRAK

Perkembangan teknologi digital telah mentransformasikan pelbagai industri dari aktiviti berasaskan manual kepada aktiviti yang berasaskan automatik dan transaksi secara dalam talian, ini termasuklah industri zakat. Dengan kemajuan teknologi digital, terdapat banyak aplikasi di Malaysia yang boleh digunakan untuk mengutip dan mengagihkan zakat. Namun, di sebalik penggunaan Internet secara meluas di negara ini, terdapat cabaran dalam menerima sepenuhnya teknologi digital, termasuk penggunaan teknologi yang tidak konsisten oleh institusi zakat dan kehadiran kemiskinan digital di kawasan bandar dan luar bandar. Sehubungan dengan itu kajian ini dijalankan bagi menganalisis penerimaan dan niat dalam meneruskan penggunaan aplikasi zakat digital yang dilaksanakan di institusi zakat Malaysia melalui Teori Penerimaan teknologi (UTAUT) dan Model Jangkaan Pengesahan (ECM). Kajian ini telah melibatkan seramai 405 responden yang terdiri daripada pengguna aplikasi zakat digital di tiga buah negeri iaitu Negeri Kedah, Selangor dan juga Kuala Lumpur. Hasil kajian dianalisis secara deskriptif, korelasi dan regresi berganda dengan menggunakan perisian SPSS Versi 27. Hasil kajian mendapati bahawa tahap penerimaan dan niat meneruskan penggunaan aplikasi zakat digital adalah di tahap yang tinggi dengan nilai min keseluruhan $M=4.15$. Seterusnya hasil kajian mendapati hubungan antara penerimaan teknologi dan niat meneruskan penggunaan aplikasi zakat digital adalah signifikan meneruskan penggunaan aplikasi dengan nilai-nilai $r=.833$, $p<.000$. Manakala bagi faktor dominan dalam mempengaruhi niat meneruskan penggunaan aplikasi zakat digital ialah faktor penerimaan bagi jangkaan kemudahan dengan nilai ($\beta=.323$, $p=.000$). Hasil kajian juga mendapati penerimaan teknologi mempengaruhi niat meneruskan penggunaan aplikasi zakat digital sebanyak 95.2% peratus. Secara umumnya aplikasi zakat digital mendapat tempat dalam kalangan masyarakat untuk melaksanakan zakat serta memperolehi maklumat zakat dan juga menggunakan perkhidmatan zakat dengan lebih efektif. Kajian ini juga diharapkan dapat meningkatkan kesedaran, serta keperluan, terhadap pelaksanaan dan penggunaan aplikasi zakat digital secara proaktif dalam membangunkan ekonomi Islam juga meningkatkan kesejahteraan ummah.

Kata kunci: Aplikasi Zakat Digital, ECM ,UTAUT, Malaysia

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan kebesaran rahmat, keluasan kasih sayang dan selaut pertolongan-Nya, saya dipilih oleh-Nya untuk menyempurnakan tesis ini bagi memenuhi keperluan untuk Ijazah Kedoktoran (PhD) di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Pertamanya, saya ingin melahirkan ucapan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penyelia saya Profesor Dr Mohd Afandi Mat Rani dan Prof Madya Dr Azri Bhari yang sentiasa memberi peluang dan ruang bagi menyempurnakan tesis ini. Terima kasih atas tunjuk ajar, serta teguran yang membina selama saya menjadi anak didik.

Saya juga mengalungkan penghargaan dan terima kasih buat arwah bapa saya Saro Bin Tukiran, ibu saya Puan ayah mertua Hj Ishak Bin Ahmad dan ibu mertua Hajah yang sentiasa memberi sokongan serta doa yang tidak putus buat saya meneruskan perjuangan. Jutaan terima kasih tidak terhingga juga buat suami tercinta Muhammad Hazim Bin Ishak, anak-anak yang dikasihi Izz Humaydi dan Izz Hulawi telah banyak berkorban masa, memberi sokongan dan dorongan sepanjang tempoh menyiapkan penulisan tesis ini. Buat suami tercinta, terima kasih di atas keizinan yang diberi, dan tidak jemu melayan tangis dan tawa sepanjang saya menulis. Terima kasih juga buat semua yang disayangi adik-beradik, ipar duai, sepupu dan sanak saudara yang turut memberi sokongan dan dorongan serta doa untuk perjalanan penulisan tesis saya. Terima kasih buat keluarga Haji Rahim Undan dan Puan Saripah yang sudi menjaga dan memberi sokongan kepada saya sepanjang melanjutkan pelajaran.

Terima kasih buat guru-guru, SK Kayan, SMK Batu 10 Lekir, SMKA Sultan Azlan ,pensyarah USIM, UiTM yang telah mendidik dan memberi sokongan yang baik untuk saya menimba ilmu sebaiknya. Terima kasih tidak terhingga buat Ustazah Fazilah Abdullah sekeluarga, Puan Hajah Che Salihah, Puan Zauyah Amirudin, Puan Rohana Nee yang membantu dan memberi semangat saya di saat saya kehilangan arwah ayah tercinta. Akhirnya juga berterima kasih kepada sahabat baik saya Norzatul Syafiqah Hasbullah, rakan-rakan sekolah, rakan seperjuangan dari pelbagai universiti dan fakulti, yang tidak lokek ilmu dan sentiasa memberi semangat. Alhamdulillah. Terima kasih.

ISI KANDUNGAN

	Halaman
PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA	ii
DEKLARASI PENULIS	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI GAMBAR	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii
JADUAL TRANSLITERASI	xix
 BAB 1 PENDAHULUAN	 1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.2.1 Perkembangan Teknologi pada Zaman Para Nabi	8
1.2.2 Pengaruh Teknologi Digital Dalam Sistem Zakat di Malaysia	10
1.3 Penyataan Masalah	15
1.4 Persoalan Kajian	19
1.5 Objektif Kajian	20
1.6 Signifikasi Kajian	20
1.6.1 Institusi Pendidikan	21
1.6.2 Institusi Zakat	21

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini akan menjelaskan pengenalan bagi isi kandungan penyelidikan yang mengandungi pengenalan, latar belakang, pernyataan masalah, objektif, persoalan kajian, signifikasi kajian, skop kajian dan definisi operasional kepada beberapa istilah penting bagi menggambarkan kajian ini.

Zakat ialah sistem percukaian Islam yang bertujuan membantu mengagihkan semula kekayaan dan menggalakkan keseimbangan sosial dalam masyarakat. Sistem ini telah diperintahkan oleh Allah sebagai satu cara untuk menyediakan jaminan kewangan bagi golongan miskin, menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rohani umat Islam. Menurut al-Zuhayli (2002), ahli fuqaha bersetuju dan bersepakat bahawa pelaksanaan zakat merupakan satu tanggungjawab dan amanah yang wajib dilaksanakan oleh mereka yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, firman-Nya yang bermaksud:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْفَقُوا مِنْ طَبِيعَتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنْ

أَلْأَرْضِ ۚ وَلَا تَيْمَمُوا أَلْحَبِيسَ مِنْهُ تُنْفِقُونَ وَلَسْتُمْ بِالْخَدِيْرِ إِلَّا أَنْ تُعْمِضُوا

فِيهِ ۚ وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ عَلِيٌّ حَمِيدٌ (٢٦٧)

Maksud: "Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. Dan janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya (lalu kamu dermakan atau kamujadikan pemberian zakat), padahal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu (kalau diberikan kepada kamu), kecuali dengan memejamkan mata padanya. Dan ketahuilah, sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi